



## **NEGERI SABAH**

[ JPAN : 700-4/1 JLD.6 ( 35 ) ]

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2021**

### **KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kadar dan syarat bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah/fasilitator/jurulatih sambilan/swasta/individu bukan pegawai kerajaan dan pegawai kerajaan yang memberi syarahan/ceramah dalam kursus/bengkel/latihan/forum/klinik yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan, mengikut gred jawatan atau berdasarkan kelayakan akademik.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kadar bayaran saguhati bagi pegawai perkhidmatan awam yang memberi syarahan/ceramah dirujuk melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/2013. Bagaimanapun pekeling tersebut tidak ada menetapkan kadar bayaran saguhati bagi pensyarah/penceramah secara individu bukan pegawai kerajaan atau swasta.

3. Kerajaan negeri telah bersetuju agar syarat dan kadar bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah/fasilitator/jurulatih sambilan/swasta/individu bukan pegawai kerajaan dan pegawai kerajaan ditetapkan dan digabungkan dalam satu pekeling bagi memudahkan rujukan.

## TAFSIRAN

1. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

4.1 “**Kursus Secara Pakej**” bermaksud sesuatu kursus yang dikendalikan oleh seorang pensyarah/penceramah/fasilitator/jurulatih secara berseorangan atau oleh syarikat swasta.

4.2 “**Pakar**”

i. Seorang penceramah yang mempunyai kelayakan minimum di peringkat ijazah pertama, mempunyai kelulusan professional dalam bidang kepakarannya, telah menerbitkan buku atau ‘artikel’ dalam jurnal/majalah yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa di mana tajuk-tajuk yang ditulis adalah berkaitan dengan bidang kepakarannya, pernah menghadiri persidangan-persidangan di dalam dan di luar negara serta telah memberi sumbangan dalam bentuk kepakarannya dan memberi kuliah/ceramah dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kelayakan dan kepakarannya; atau

ii. Seorang penceramah/jurulatih yang tidak mempunyai kelayakan seperti di (i) tetapi memiliki sijil kemahiran dalam bidang-bidang tertentu yang diiktiraf oleh kerajaan.

4.3 “**Pesara**” bermaksud seorang pegawai yang telah bersara dari Perkhidmatan Awam Negeri atau Persekutuan.

4.4 “**Swasta**” bermaksud syarikat swasta yang memberikan perkhidmatan kursus/bengkel/ceramah yang diiktiraf oleh kerajaan.

- 4.5 “**Penceramah sambilan**” bermaksud pegawai Kerajaan yang memberikan ceramah, syarahan, taklimat atau menjadi fasilitator secara sambilan atau sekali-sekala di sesuatu kursus/majlis rasmi di dalam atau di luar waktu pejabat anjuran Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.
- 4.6 “**Urus Setia**” bermaksud Bahagian yang menganjurkan program.
- 4.7 “**Bahagian**” bermaksud bahagian-bahagian dalam satu agensi atau unit di bawah Ketua Jabatan.
- 4.8 “**Unit**” bermaksud semua unit yang berada di bawah setiap Bahagian di agensi.
- 4.9 “**Kursus wajib**” bermaksud kursus mandatori yang perlu dilaksanakan oleh agensi bagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan sama ada bagi tujuan pengesahan jawatan, kenaikan pangkat dan lain-lain.
- 4.10 “**Ketua Jabatan**” bermaksud seorang pegawai yang mengetuai sesuatu Jabatan atau wakil Ketua Jabatan yang diturun kuasa mengikut mana-mana peruntukan yang berkenaan.

#### **KADAR DAN SYARAT BAYARAN SAGUHATI BAGI PEGAWAI TETAP/SEMENTARA/KONTRAK MENGIKUT GRED JAWATAN ATAU KELAYAKAN AKADEMIK**

5. Kadar bayaran saguhati bagi pegawai Tetap/Sementara/Kontrak yang menyampaikan syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator sambilan adalah mengikut gred jawatan atau mengikut kelayakan akademik yang diiktiraf oleh Kerajaan, mana yang lebih tinggi seperti dalam Jadual 1 atau Jadual 2:

**Jadual 1 : Kadar Mengikut Gred Jawatan Pegawai Kerajaan**

Bil.	Mengikut Gred Jawatan	Kadar Bayaran Saguhati (RM) sejam		Had Maksimum Sebulan
		Pensyarah/Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
1.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM 350.00	RM 120.00	Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai/ [elaun memangku boleh diambilkira]
2.	Kumpulan Pengurusan Profesional Gred 53 & 54	RM 250.00	RM 120.00	
3.	Kumpulan Pengurusan Profesional Gred 45 & 52	RM 200.00	RM 100.00	
4.	Kumpulan Pengurusan Profesional Gred 41 & 44	RM 150.00	RM 100.00	
5.	Kumpulan Pelaksana	RM 120.00	RM 90.00	

**Jadual 2 : Kadar Mengikut Kelayakan Akademik Pegawai Kerajaan**

Kadar Bayaran Mengikut Kelayakan Akademik (sejam)					
Phd./Doktor Falsafah	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	Diploma/ STPM atau setaraf	SPM/ SPMV atau Sijil Kemahiran yang diiktiraf	SRP/PMR
RM 450.00	RM 350.00	RM 250.00	RM 180.00	RM 120.00	RM 100.00

5.2 Bayaran saguhati kepada pegawai kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

5.2.1 Pegawai yang memberikan syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan.

- 5.2.2 Memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai.
- 5.2.3 Pegawai dari unit/institusi latihan, maktab/institusi di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran suguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/istitusi/maktab yang sama.
- 5.2.4 **Urus Setia** yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam **program yang dianjurkannya TIDAK LAYAK** bayaran suguhati.
- 5.2.5 Pegawai dari unit latihan di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian dari tugas rasmi mereka, bayaran suguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan merupakan program jabatan/agensi yang sama.
- 5.2.6 Bayaran suguhati boleh diberikan mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu (1) jam.

## **PENJELASAN**

- 5.3 Penceramah/fasilitator sambilan dari Bahagian yang sama yang menganjurkan kursus tidak layak menuntut bayaran suguhati penceramah kerana ia termasuk dalam istilah urus setia program sebagaimana di para 5.2.4.

- 5.4 Pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia juga tidak layak dibayar bayaran suguhati penceramah/fasilitator sambilan bagi semua program latihan yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

## **PENGECUALIAN**

- 5.5 Bayaran suguhati penceramah boleh dibayar kepada penceramah/fasilitator sambilan dari Bahagian sama yang menganjurkan kursus dalam keadaan berikut:

5.5.1 Bagi **Kursus Wajib** yang mesti dikendalikan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi, bayaran suguhati boleh dibuat walaupun penceramah atau fasilitator sambilan itu dari Bahagian yang sama yang menganjurkan kursus tersebut (dengan syarat pegawai bukan dari unit yang menganjur kursus).

5.5.2 Bagi pegawai yang mempunyai kemahiran/pengetahuan/kepakaran khusus yang tidak berkaitan dengan tugas hakiki (fungsian tugas semasa). Bayaran suguhati penceramah/fasilitator sambilan boleh dipertimbangkan walaupun penceramah/fasilitator sambilan dari Bahagian yang sama dengan penganjur kursus (dengan syarat bukan dari unit yang menganjur kursus). Ianya bertujuan bagi menggalakkan perkongsian ilmu di kalangan pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran atau pengetahuan khusus dalam bidang tertentu.

**KADAR DAN SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA SWASTA/INDIVIDU BUKAN PEGAWAI KERAJAAN/PESARA/PEKERJA SAMBILAN HARIAN DAN PEKERJA SKIM SANGKUTAN & LATIHAN MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK**

6. Kadar bayaran suguhati kepada Pensyarah/Penceramah/Fasilitator swasta atau individu bukan pegawai kerajaan termasuk Pesara, Pekerja Sambilan Harian dan Pekerja Skim Sangkutan & Latihan adalah mengikut kelayakan akademik seperti dalam Jadual 3:

**Jadual 3: Suguhati Penceramah Bukan Pegawai Kerajaan**

<b>Bil.</b>	<b>Mengikut Kelayakan Akademik</b>	<b>Kadar Bayaran Sejam</b>
1.	Phd./Doktor Falsafah	RM 450.00
2.	Ijazah Sarjana	RM 350.00
3.	Ijazah Sarjana Muda	RM 250.00
4.	Diploma/STPM atau setaraf	RM 200.00
5.	SPM/SPMV atau Sijil Kemahiran yang diiktiraf (SKM)	RM 120.00
6.	Sijil Kemahiran yang diiktiraf (SRP/PMR/Tidak mempunyai sijil akademik)	RM 100.00

7. Kadar bayaran lain-lain penceramah.

**7.1 Penceramah Luar Negara**

Sekiranya memerlukan kepakaran pensyarah/penceramah dari luar negara dan bayaran yang dikenakan melebihi kadar yang ditetapkan, kelulusan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah dipohon.

## **7.2 Penceramah Khusus**

Bagi pensyarah/penceramah tertentu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dari dalam atau luar negara, bayaran elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas boleh diluluskan oleh jawatankuasa/panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan di agensi.

## **SYARAT MENDAPATKAN KHIDMAT PENCERAMAH BUKAN PEGAWAI KERAJAAN**

8. Syarat-syarat mendapatkan khidmat pensyarah/penceramah/fasilitator swasta atau individu bukan pegawai kerajaan adalah seperti berikut:-
  - 8.1 Mendapatkan kelulusan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri terlebih dahulu;
  - 8.2 Kursus/Bengkel yang dianjurkan merupakan satu keperluan kepada Kementerian/Jabatan; dan
  - 8.3 Kelayakan akademik pensyarah/penceramah yang diiktiraf oleh kerajaan.

## **PEMBAYARAN SECARA PAKEJ DARI SYARIKAT SWASTA**

9. Pembayaran pensyarah/penceramah/fasilitator/jurulatih secara pakej daripada syarikat swasta adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - 9.1 Mendapatkan sebutharga dari syarikat swasta;
  - 9.2 Kursus/bengkel yang dianjurkan mestilah satu keperluan kepada Kementerian/Jabatan; dan



9.3 Mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri.

## **HAD HARGA SILING**

10. Had harga siling maksimum pembayaran perkhidmatan secara pakej dari syarikat swasta tidak boleh melebihi RM5,000.00 per pakej. Pembayaran yang melebihi had siling hendaklah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri.

## **TANGGUNGJAWAB AGENSI**

11. Bagi membolehkan pembayaran dibuat kepada pensyarah/penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/seminar/bengkel/forum/klinik anjuran Kementerian/Jabatan, syarat berikut hendaklah dipatuhi sepenuhnya:

- 11.1 Memastikan peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;
- 11.2 Memberi keutamaan kepada kepakaran di kalangan anggota perkhidmatan awam/agensi kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan, mempunyai kepakaran khusus untuk memberikan syarahan/ceramah atau mengendalikan kursus/latihan yang diperlukan;
- 11.3 Menyatakan dengan jelas dalam tawaran skop perkhidmatan, bidang kepakaran/kelayakan/pengalaman penceramah, jumlah masa syarahan/ceramah, bilangan peserta dan sebagainya supaya harga yang ditawarkan dapat diperincikan untuk penilaian; dan
- 11.4 Memastikan harga dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah munasabah, paling menguntungkan, berkualiti dan sesuai dengan keperluan perkhidmatan awam.

## **KADAR BAYARAN SAGUHATI BAGI PESARA KERAJAAN**

5. Bayaran saguhati pensyarah/penceramah bagi pesara kerajaan yang dijemput hendaklah mengikut kadar individu bukan pegawai awam, kerana pesara kerajaan **bukan** lagi merupakan pegawai awam.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Bil. 3/2013 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

15. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**



**( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **08 APR 2021**

s.k.: Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Level 8,9,10 dan 11, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**CONTOH FORMAT**

**BORANG PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI  
PENSYARAH/PENCERAMAH SAMBILAN ATAU PENSYARAH/PENCERAMAH SAMBILAN  
BAGI BULAN \_\_\_\_\_ TAHUN \_\_\_\_\_**

(diisi dalam 2 salinan)

Kepada :

**BAHAGIAN I** (Diisi Oleh Pemohon)

**A. BUTIR-BUTIR PERIBADI**

1. Nama : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Jawatan Yang Disandang : \_\_\_\_\_
4. Gred Jawatan : \_\_\_\_\_
5. Taraf Jawatan : \_\_\_\_\_
6. a) Gaji Bulanan : \_\_\_\_\_
- b) No. Gaji : \_\_\_\_\_
- c) Elaun Memangku : \_\_\_\_\_
7. Nama Kementerian/  
Jabatan/Agensi : \_\_\_\_\_
8. Alamat Kementerian/  
Jabatan/Agensi : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**B. BUTIR-BUTIR PERMOHONAN**

Bil.	Nama Jabatan yang menganjurkan Kursus/Ceramah	Tarikh Kursus/Ceramah	Tempoh (Jam)	Jumlah Tuntutan
<b>Jumlah</b>				

- 1(a) Jumlah besar tuntutan bulanan di para 1 di atas adalah selaras dengan kelayakan saya seperti yang ditetapkan di Jadual 1 atau Jadual 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2021; atau
- 2(a) Jumlah besar tuntutan bulanan di para 1 di atas adalah melebihi kelayakan saya seperti ditetapkan di Jadual 1 atau Jadual 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2021 dan saya akan memulangkan balik lebihan bayaran saguhati yang diterima tersebut iaitu sebanyak RM ..... kepada Kementerian/Jabatan/Agensi ..... seperti surat akuan yang disertakan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi bil ..... bertarikh.....

**C. PERAKUAN**

Saya mengaku butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tarikh : .....

.....  
Tandatangan Pemohon

Nama :

**BAHAGIAN II**

**A. ULASAN KETUA JABATAN**

Permohonan pegawai yang berkenaan adalah **disokong / tidak disokong\***

Tarikh : .....  
 .....  
 T/Tangan Ketua Jabatan

Nama :  
 Jawatan :  
 Cop Jabatan:

**B. PENGESAHAN KETUA JABATAN**

Disahkan bahawa pegawai ini adalah seorang pensyarah/penceramah sambilan golongan pakar / bukan pakar \*

Tarikh : .....  
 .....  
 T/Tangan Ketua Jabatan

Nama :  
 Jawatan :  
 Cop Jabatan:

\*Potong yang mana tidak berkenaan.

**BAHAGIAN III**

**A. KEPUTUSAN PERMOHONAN**

(Diisi Oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Penganjur)

**\*Diluluskan / Tidak diluluskan**

Tarikh : .....  
 .....  
 T/Tangan Ketua Jabatan

Nama :  
 Jawatan :  
 Cop Jabatan:

\*Potong yang mana tidak berkenaan

**LAMPIRAN 1**

**KENYATAAN TUNTUTAN BAYARAN PENCERAMAH/FASILITATOR**

1. NAMA : \_\_\_\_\_
2. JAWATAN : \_\_\_\_\_
3. JABATAN : \_\_\_\_\_
4. EMEL : \_\_\_\_\_
5. ALAMAT BANK : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. NO. AKAUN BANK : \_\_\_\_\_